

Aplikasi Kaedah Usul Fiqh dalam Memahami Hadith-Hadith Berkaitan Wabak dan Penetapan Langkah Keselamatan

(Application Of Usul Fiqh Method in Understanding Hadiths Related to Epidemic and Determination of Safety Measures)

Helimy Aris¹, Amran Abdul Halim², Nazri Muslim^{3*}

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: helimy@usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: amran@usim.edu.my

³Pusat Pengajian Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nazrim@ukm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini membahaskan tentang aplikasi beberapa Kaedah Usul Fiqh dalam memahami hadith-hadith wabak dan sejauh mana ia sesuai dijadikan sebagai asas dalam penetapan hukum dan prosedur keselamatan dalam usaha memutuskan rantai sesuatu wabak melalui kaedah analisis teks. Hadith wabak adalah salah satu daripada teks nabawi yang perlu difahami melalui kerangka ilmu usul fiqh agar prinsip-prinsip Islam yang tersirat di sebaliknya dapat dihayati oleh masyarakat. Para sarjana Islam dilihat telah memainkan peranan dalam mengeluarkan 'illah yang boleh dijadikan sandaran hukum ke atas situasi semasa yang perlu kepada pandangan dan penyelesaian Islam. Selain kaedah istinbatiyyah, kaedah istidlaliyyah seperti masalah mursalah yang menjadi sebahagian perbincangan ilmu Usul Fiqh juga dilihat amat signifikan dalam menentukan keharusan atau sebaliknya tindakan pihak berwajib dalam membendung penularan penyakit berjangkit.

ABSTRACT

This article discusses the application of some Methods of Usul Fiqh in understanding the hadiths of epidemics and the extent to which they are suitable to be used as a basis in the determination of laws and safety procedures in order to break the chain of an epidemic through text analysis methods. The hadith of the epidemic is one of the texts of the Prophet that needs to be understood through the framework of the doctrine of fiqh so that the Islamic principles implicit in the other can be appreciated by the community. Islamic scholars are seen to have played a role in issuing 'illahs that can be used as a legal basis for the current situation which is necessary to the Islamic view and solution. Apart from the istinbatiyyah method, the istidlaliyyah method such as masalah mursalah which is part of the debate on Usul Fiqh

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nazri Muslim

(nazrim@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Aplikasi Kaedah Usul Fiqh
Hadith-hadith wabak
Prosidur keselamatan

KEYWORDS:

Application of Usul Fiqh
Method
Epidemic hadiths
Safety procedures

CITATION:

Helimy Aris, Amran Abdul Halim & Nazri Muslim. (2022). Aplikasi Kaedah Usul Fiqh dalam Memahami Hadith-Hadith Berkaitan Wabak dan Penetapan Langkah Keselamatan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001527.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1527>

is also seen as very significant in determining the necessity or otherwise of the action of the authorities in curbing the spread of infectious diseases.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada korpus ilmu bidang usul Fiqh berkaitan dengan hadith-hadith yang menyentuh penularan wabak penyakit dan cara pencegahan serta asas dalam penetapan hukum dan prosedur keselamatan dalam usaha memutuskan rantai sesuatu wabak melalui kaedah analisis teks.

1. Pengenalan

Kaedah usul fiqh ialah peraturan umum yang digunakan dalam mengeluarkan hukum syarak daripada dalil-dalilnya yang *tafsili* (Mohamed Ghazi, 2020). Seperti yang dimaklumi, dalil syarak itu terbahagi kepada dua iaitu dalil *ijmali* dan dalil *tafsili*. Dalil *ijmali* adalah seperti al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas selain kaedah-kaedah usul fiqh. Sementara dalil *tafsili* pula ialah nas-nas al-Quran dan hadith yang mengandungi hukum syarak.

Kaedah usul fiqh bukanlah dalil syarak tetapi adalah alat menentukan dalil daripada nas syarak yang terdiri daripada al-Quran dan Hadith. Namun, Ketika ketiadaan nas syarak yang *sarih* (jelas), ia dinilai sebagai pengganti dalil syarak. Justeru, kaedah usuliyah itu terbahagi kepada dua jenis iaitu kaedah *istidlaliyyah* dan kaedah *istinbatiyyah* (Husayn Bashir, 2015). Kaedah *istidlaliyyah* ialah kaedah yang digunakan sebagai pengganti dalil ketika ketiadaan dalil yang jelas seperti *istislah*, *istishab* dan *istihsan*. Sementara kaedah *istinbatiyyah* pula ialah kaedah yang digunakan sebagai penentu dalil syarak atau alat *istinbat* hukum seperti kaedah: “lafaz perintah membawa maksud wajib” dan “lafaz larang membawa maksud haram”.

2. Aplikasi Kaedah Usul Fiqh

Aplikasi kaedah Usul Fiqh bermaksud penggunaannya dalam memahami nas syarak seterusnya melakukan istinbat hukum. Nas syarak adalah ayat-ayat al-Quran dan juga hadith-hadith yang terbukti kesahihannya. Aplikasi kaedah usul fiqh juga bermaksud penggunaannya dalam penetapan hukum berdasarkan prinsip-prinsip umum syarak bagi hal-hal yang tiada nas yang *sarih* tentangnya. Sebagai contoh, wajib mendirikan solat berdasarkan ayat-72 daripada Surah al-An’am. Hukum wajib tersebut telah diistinbat berdasarkan kaedah Usul Fiqh yang berbunyi: “Lafaz suruhan adalah bermaksud wajib”. Contoh lain ialah haram mengambil perkara yang merosakkan akal seperti dadah berdasarkan kaedah *qiyas*. Sungguhpun penggunaan dadah belum lagi diketahui wujud pada zaman wahyu dan tiada nas *sarih* mengenainya, namun keharamannya ditentukan berdasarkan *illah* keharaman arak yang sabit melalui nas hadith. Gerakan pengumpulan al-Quran dalam bentuk mushaf yang dilakukan pada zaman Abu Bakr r.a dan Uthman bin ‘Affan r.a adalah berdasarkan kaedah *istislah* atau *masalah mursalah*. Keharusan sebarang transaksi yang tiada nas syarak menegahnya adalah berdasarkan kaedah *istishab* seperti yang diungkapkan: “Hukum asal dalam segala hal (selain ibadat) adalah harus”.

3. Pengertian Wabak dan Pandemik

Dalam Kamus Dewan (2007), wabak bermaksud penyakit menular, berjangkit dan merebak. Ia juga bermaksud kejadian atau perbuatan buruk yang merebak ke merata

tempat. Ternyata maksud ini tidak jauh berbeza daripada penggunaan asal perkataan “wabak” dalam bahasa asalnya iaitu bahasa Arab ([Al-Jawharī, 1987](#); [Ibn Manẓūr, 1994](#)). Perkataan wabak juga telah digunakan dalam hadith-hadith Nabi saw dengan merujuk kepada maksud yang sama selain istilah taun ([Ibn al-Athir, 1979](#)). Dalam penggunaan semasa, wabak adalah merujuk kepada krisis kesihatan yang mengancam dunia dan tersebar di luar kawalan atau penyakit yang merebak dalam skala geografi yang besar dan menjejaskan ramai penduduk di sesebuah kawasan. Pada zaman moden, istilah endemik, epidemik dan pandemik telah digunakan bagi merujuk kepada kadar menular sesuatu penyakit atau wabak. Pandemik ialah wabak penyakit yang tersebar secara meluas hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia. Endemik pula ialah penyakit yang sentiasa terdapat pada orang atau daerah tertentu. Epidemik pula ialah penyakit yang menjangkiti ramai orang dalam sesuatu daerah pada satu masa ([Kamus Dewan, 2007](#)). Sesuai dengan perubahan tersebut, istilah *al-ja'īhah* (الجائحة) telah digunakan dalam bahasa Arab bagi merujuk kepada penularan wabak yang berskala besar seperti COVID 19 ([Hasan Mindil, 2020](#)).

4. Rawatan Pencegahan

Dalam ilmu epidemiologi, penyakit ditakrifkan sebagai titik tolak yang merbahaya daripada keadaan yang normal pada individu atau populasi yang tersebar melalui agen infeksi atau bahan-bahan toksik yang merbahaya kepada manusia ([Fatan Hamamah, 2005](#)). Menurut [Fatan Hamamah \(2005\)](#) lagi, penyakit yang muncul pada akhir abad ke-20 dan ke-21 masih belum ada ubat dan penawarnya. Justeru, langkah pencegahan penyakit berjangkit adalah cara yang sangat efektif dan praktikal ke arah mempertingkatkan tahap kesihatan awam. Dalam konteks Malaysia, satu akta telah diwujudkan bagi tujuan membendung penularan penyakit berjangkit iaitu; Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Menurut [al-Fanjari \(1991\)](#), rawatan pencegahan ialah segala usaha yang dilakukan untuk menjamin tahap kesihatan individu dan masyarakat yang optimum seperti pendidikan, penerangan dan langkah-langkah keselamatan (SOP) yang boleh membendung penyakit berjangkit sebelum ia tersebar dan mengurangkan kadar jangkitan apabila ia tersebar. Penggunaan topeng separuh muka, penjarakan sosial, larangan rentas kawasan, sanitasi permukaan berisiko dan pengambilan vaksin pencegahan atau imunisasi adalahlah sebahagian daripada langkah-langkah tersebut.

5. Islam dan rawatan pencegahan

Hakikatnya, kaedah pencegahan itu sendiri adalah inti sari ajaran Islam. Dalam aspek akidah misalnya, seorang Muslim adalah dituntut mencegah diri dan keluarganya daripada seksaan neraka berdasarkan ayat yang ke-6 daripada Surah *al-Tahrim*. Segala ajaran Islam sama ada berbentuk perintah atau larangan adalah bertujuan mencegah seseorang itu daripada azab neraka. Tubuh badan yang sihat pula merupakan aset penting setiap Muslim bagi menambah pahala yang boleh membahagiakannya di akhirat kelak. Selain itu, syariat Islam sarat dengan rawatan atau langkah pencegahan sama ada dalam aspek ibadat atau adat. Membasuh tangan sebelum mencelup tangan ke dalam bekas wuduk, istinja, mandi wajib dan sunat, menutup mulut ketika bersin, makan dengan tangan kanan, beristinja dengan tangan kiri, memotong kuku, memotong bulu ari-ari, larangan meninggalkan bahan kumuhan di laluan orang ramai atau tempat perhimpunan, larangan makan bangkai atau apa-apa yang memudaratkan kesihatan manusia dan banyak lagi hukum yang boleh disifatkan sebagai langkah pencegahan penyakit

merupakan hal-hal yang dimaklumi dalam syariat Islam (المعلوم من الدين) dan diterapkan dalam kehidupan seharian Muslim. Kesimpulannya, pencegahan dalam Islam tidak terbatas dalam aspek perubatan dan kesihatan semata-mata, malah ia meliputi segenap aspek kehidupan.

6. Hadith-Hadith Wabak

Terdapat beberapa hadith yang berkaitan dengan wabak, penyakit, ta'un dan kusta. Namun, penulis menyenaraikan tiga sahaja daripadanya yang menurut penulis merupakan sandaran utama dalam topik ini. Berikut adalah hadith-hadithnya: Abu Hurayrah r.a melaporkan daripada Rasulullah s.a.w sabdanya:

" لَا يُورِدَنَّ مَرَضٌ عَلَى مُصِحِّ "
 [البخاري برقم: 5771، ومسلم برقم: 2221 عن أبي هريرة رضي الله عنه]

Maksudnya: "Janganlah unta yang sakit memasuki kawasan unta yang sihat".

Usamah r.a melaporkan daripada Rasulullah sabdanya:

"إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بَأْرَضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ"
 [البخاري برقم: 5729-5730، ومسلم 2219 عن أسامة رضي الله عنه]

Maksudnya: "Apabila kamu mendengar berita mengenainya (wabak) di suatu tempat, janganlah memasuki tempat tersebut. (Sebaliknya) Apabila ia menimpa suatu tempat dan kamu berada di dalamnya, janganlah keluar daripada tempat tersebut semata-mata ingin melarikan diri daripada wabak tersebut".

Abu Hurayrah r.a melaporkan daripada Rasulullah s.a.w sabdanya:

" فِرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ فِرَارَكَ مِنَ الْأَسَدِ "
 [أحمد برقم: 9722، والبخاري معلقا برقم: 5707، والبيهقي برقم: 13772 عن أبي هريرة رضي الله عنه]

"Larilah engkau daripada pesakit kusta sebagaimana engkau lari daripada singa".

7. Pendirian Sarjana Islam Terhadap Hadith-Hadith Wabak

Penelitian terhadap huraian hadith daripada sumber-sumber yang muktabar (al-Khattabi, 1988; Al-Khattabi, 1932; Ibn Battal, 2003; 'Iyadh, 1998; Al-Nawawi, 1972; Ibn al-Jawzi, t.t.; al-Qurtubi, 1996; Ibn Hajar, 1960) menunjukkan terdapat tiga pendirian utama para sarjana Islam terhadap hadith-hadith wabak iaitu:

7.1. Nasakh

Sebahagian mereka berpendapat, kedua-dua hadith Abu Hurayrah r.a di atas telah dimansuhkan hukumnya dengan hadith lain yang dilaporkan oleh al-Bukhari daripada Abu Hurayrah r.a yang meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w hadithnya yang bermaksud: "Tiada jangkitan (disebabkan penyakit)" (al-Bukhari, 2001). Selain itu, Rasulullah s.a.w juga pernah makan bersama pesakit kusta seperti yang dilaporkan oleh Abu Dawud (2009), al-Tirmidhi (1998) dan Ibn Majah (2009). Namun, terdapat masalah pada jalur riwayat ini.

7.2. Tarjih

Sebahagian mereka mentarjihkan hadith Abu Hurayrah r.a yang melarang percampuran antara unta sihat dan yang berpenyakit dan mengarah agar menjauhi pesakit kusta. Di posisi yang bertentangan dengan golongan ini ialah golongan yang mentarjihkan hadith yang menafikan wujudnya jangkitan disebabkan penyakit.

7.3. Tawfiq

Kebanyakan ilmuwan Islam berpandangan tiada percanggahan antara hadith-hadith tersebut. Berikut adalah antara jawapan mereka dalam mengharmonikan antara hadith-hadith tersebut:

- a) Arahan menjauhkan diri daripada pesakit kusta adalah bagi tujuan menjaga perasaan pesakit atau mengelak wujud ketidak selesaan pada orang bercampur dengannya.
- b) Penafian jangkitan dan keadaan sebaliknya adalah merujuk kepada dua situasi yang berbeza.
- c) Hadith yang menafikan wujud jangkitan adalah nas umum dan ia telah dikhususkan (*'am makhsus*) dengan hadith yang memperakui wujudnya jangkitan.
- d) Hadith larangan mencampurkan antara unta sihat dan yang berpenyakit serta arahan menghindari pesakit kusta menunjukkan jangkitan boleh berlaku melalui cara-cara tertentu seperti percampuran antara pihak penghidap dan yang sihat.
- e) Penyakit itu sendiri tidak berjangkit tetapi jangkitan boleh berlaku dengan takdir Tuhan.
- f) Larangan menjauhi pesakit kusta dan mencampurkan antara unta sihat dan yang berpenyakit adalah untuk mengelak sangkaan dan kepercayaan yang bertentangan dengan akidah Islam dan bukan disebabkan jangkitan itu wujud.
- g) Perintah menjauhi pesakit kusta bukan menandakan wajib tetapi sekadar saranan semata-mata.

8. Maksud Larangan dan Perintah dalam Hadith-Hadith Wabak

[Al-Nawawi \(1972\)](#) telah menyebut dua pandangan utama dalam menentukan maksud larangan memasuki atau keluar daripada daerah wabak seperti berikut:

Pertama: Adalah dilarang memasuki daerah wabak (bagi orang luar) dan keluar daripadanya (bagi orang yang berada di dalamnya) dengan tujuan untuk mengelak jangkitan. Bahkan, keluar daripada kawasan wabak diibaratkan seperti lari daripada medan perang. Jika keluar daripada daerah tersebut dengan tujuan selainnya, ia adalah diharuskan. Pandangan ini adalah milik kebanyakan ilmuwan Islam. Menurut [al-Nawawi \(1972\)](#) lagi, larangan ini adalah selari dengan maksud hadith Nabi SAW berikut:

«أَيُّهَا النَّاسُ، لَا تَتَمَنَّوْا لِقَاءَ الْعَدُوِّ، وَسَلُّوْا اللَّهَ الْعَافِيَةَ، فَإِذَا تَقَيَّمْتُمْهُمُ فَاصْبِرُوا، وَاعْلَمُوا أَنَّ الْجَنَّةَ تَحْتَ ظِلَالِ السُّيُوفِ»

“Wahai manusia, janganlah kamu bercita-cita untuk bertemu musuh dan mohonlah keselamatan daripada Allah SWT. Namun, apabila kamu berdepan dengan musuh, hendaklah kamu bersabar. Ketahuilah, sesungguhnya syurga itu terletak di bawah kilauan pedang” ([al-Bukhari, 2001](#); [Muslim, 1955](#)).

Kedua: Harus memasuki daerah wabak (bagi orang luar) dan keluar daripadanya (bagi orang yang berada di dalamnya) dengan tujuan untuk mengelak daripada jangkitan. Larangan memasuki atau keluar daripada kawasan wabak bukan bertujuan mengelak jangkitan tetapi ia bertujuan mengelak fitnah dalam kalangan mereka yang memasuki atau keluar daripada daerah tersebut. Fitnah yang dimaksudkan ialah sangkaan orang yang terselamat daripada jangkitan bahawa dia selamat adalah disebabkan keluar daripada daerah wabak dan orang yang terkena jangkitan bahawa dia terkena jangkitan adalah disebabkan memasuki daerah wabak. Larangan ini adalah mirip dengan larangan bersangka buruk berdasarkan bunyi burung (*tiyarah*) dan mendekati pesakit kusta. Antara yang menyokong pandangan ini ialah laporan yang mengatakan sebahagian sahabat dan tabi'in seperti Abu Musa r.a, Masruq dan al-Aswad bin Hilal pernah mengambil tindakan melarikan diri daripada dijangkiti wabak. Begitu juga kenyataan 'Amr bin al-'As ra: "Hendaklah kamu semua lari menjauhkan diri daripada wabak ini walaupun sehingga ke lembah-lembah dan puncak bukit".

Al-Khattabi (1932) terlebih dahulu telah menyatakan pandangan yang hampir sama. Menurut beliau, larangan masuk ke zon wabak menunjukkan perlu berjaga-jaga dan mengelak daripada kebinasaan. Sementara larangan keluar daripada zon tersebut menunjukkan perlu bertawakal dan percaya kepada takdir Tuhan. Kedua-dua arahan tersebut mengandungi bimbingan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan dalam masa yang sama ia menerapkan unsur penyerahan kepada takdir. Berjaga-jaga dan percaya kepada takdir dalam masa yang sama adalah jalan sunnah dan amalan para sahabat ra.

Pada dasarnya, kedua-dua pandangan di atas adalah selari dengan anjuran berusaha memperoleh kebaikan dan mengelak keburukan dengan sebab-sebab yang telah diaturkan oleh Allah SWT. Melalui akal yang dikurniakan Tuhan, manusia boleh membezakan hal-hal yang mengundang kebaikan dan keburukan melalui pengalaman (تجربة) dan pengamatan (ملاحظة). Setiap hal yang pada perkiraannya boleh mengundang risiko adalah wajib dijaui seperti mengelakkan diri daripada terkena api, memijak duri, memakan racun dan sebagainya. Ia termasuk dalam maksud ayat yang ke-195 daripada Surah al-Baqarah. Mengelak jangkitan sesuatu penyakit yang telah dibuktikan secara makmal boleh berjangkit dengan kaedah dan cara tertentu adalah sebahagian daripada usaha mengelak sesuatu yang buruk dan memudaratkan diri.

9. Maqasid Hadith-Hadith Wabak

Larangan memasuki kawasan wabak dalam hadith-hadith terdahulu boleh diistilahkan pada hari ini sebagai larangan rentas daerah, negeri atau negara. Sementara perintah menjauhi pesakit kusta pula boleh disamakan dengan penjarakan sosial, kuarantin atau istilah-istilah yang semaksud dengannya. Jika 'illah dan *maqasid* hadith-hadith wabak dapat diketahui dan difahami, ia adalah sangat membantu dalam proses penetapan hukum berdasarkan kaedah *qiyas* atau *maslahah mursalah*.

10. Aplikasi Kaedah Qiyas dan Maslahah Mursalah

Berdasarkan pengamatan awal penulis, hadith-hadith wabak memiliki 'illah yang memungkinkan hukum berkaitan dengannya diguna pakai ke atas situasi semasa yang semisal dengannya yang mana terdapat banyak wabak-wabak baru yang tidak dinyatakan dalam hadith-hadith tersebut. Selain itu, beberapa langkah pencegahan yang diamalkan pada hari ini boleh dikategorikan sebagai baru dan tidak pernah diperkenalkan oleh

sarjana-sarjana Islam silam atau diperbahasakan dalam turath Islam. Langkah-langkah pencegahan ini pada dasarnya dibuat untuk mencapai sesuatu manfaat yang mungkin tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana ayat atau hadith. Namun secara umumnya ia tidak bercanggah dengan prinsip umum syarak. Hal ini adalah selari dengan definisi *masalah mursalah* iaitu: “setiap manfaat yang selari dengan maqasid syarak tetapi tiada nas yang menyokong atau menyanggahnya” (al-Buti, 2005).

11. 'Illah Hukum Dalam Hadith Wabak

Melalui penelitian terhadap ulasan para sarjana Islam (al-Khattabi, 1988; Al-Khattabi, 1932; Ibn Battal, 2003; 'Iyadh, 1998; Al-Nawawi, 1972; Ibn al-Jawzi, t.t.; al-Qurtubi, 1996; Ibn Hajar, 1960), didapati mereka sepakat bahawa wujud 'illah tertentu di sebalik hadith-hadith wabak. Namun, mereka berselisih pendapat dalam menentukannya. Berikut adalah beberapa hal yang boleh dipertimbangkan sebagai *maqasid* atau tujuan bagi perintah dan larangan dalam hadith-hadith tersebut:

- a) Menghenti atau mengurangkan kadar jangkitan yang disebabkan oleh faktor luaran seperti air, tanah, percampuran dan lain-lain.
- b) Menghilangkan kepercayaan bahawa penyakit itu boleh berjangkit dengan sendirinya tanpa ada kaitan dengan takdir tuhan.
- c) Mengelak wujud ketidak selesaian bagi golongan yang sihat disebabkan gejala-gejala yang tidak menyenangkan daripada pesakit.
- d) Menjaga perasaan tertentu pesakit yang mungkin terganggu apabila bercampur dengan golongan yang sihat seperti merasa rendah diri dan sebagainya.

Kesemua tujuan-tujuan di atas sangat berkait rapat dengan “sifat berjangkit” yang ada pada taun, kusta dan sesetengah penyakit haiwan seperti yang dinyatakan dalam hadith wabak. Ia boleh dijadikan petanda kepada 'illah yang tersirat di sebalik nas-nas hadith tersebut. Sepertimana keadaan sifat memabukkan (إسكار) yang ada pada arak sehingga ia diharamkan bagi menjaga kewarasan akal daripada terjejas akibat pengambilan arak, begitu juga halnya “sifat berjangkit” (الإعداداء/العدوى) yang ada pada sesetengah penyakit sehingga kedua-dua pihak penghidap dan bukan penghidap ditegah daripada bercampur bagi mengurangkan kadar jangkitan, mengelak berlaku sangkaan yang tidak berasas yang mungkin boleh menjejaskan akidah serta mengelak timbul ketidak selesaian akibat penyakit berjangkit.

Oleh yang demikian, boleh disimpulkan hukum-hukum yang difahami daripada hadith-hadith wabak tersebut bersandarkan kepada satu 'illah iaitu “sifat berjangkit” dan ia tidak terhad pada penyakit yang disebut dalam hadith sahaja seperti taun dan kusta. Malah, ia juga merangkumi semua penyakit yang sifatnya merbahaya dan menular seperti COVID 19 yang melanda dunia mutakhir ini.

12. Penetapan 'Illah Atau Masalah Bagi Hukum Islam Berkaitan Wabak

Sebenarnya, kefahaman wujud jangkitan melalui penyakit-penyakit tertentu tidak bercanggah dengan tuntutan beriman kepada qada' dan qadar selagi mana kita beriktikad Allah swt jualah yang mencipta jangkitan tersebut. Malah, ia membuktikan sifat hikmah Tuhan yang telah mengaturkan alam ini berdasarkan sistem *al-sabab wa al-musabbab* yang juga disebut sebagai *sunnatullah*. Sebagai contoh, makan adalah sebab kepada kenyang, tidak mengambil makanan adalah sebab kepada lapar, belajar dengan tekun dalam sesuatu bidang adalah sebab menguasai bidang tersebut dan begitulah sebaliknya. Sebahagian daripada *sunnatullah* ini boleh difahami melalui pengalaman dan

pemerhatian terhadap hukum adat. Sebahagianya pula boleh difahami melalui penelitian terhadap nas-nas al-Quran dan hadith dan sebahagian yang lain masih kekal misteri dan menjadi rahsia Tuhan.

Perkataan *al-Ta'un*, *al-Majdhum* dan *al-Mumrid* yang merujuk kepada penyakit-penyakit tertentu dalam hadith-hadith wabak menunjukkan seolah-olah ia sengaja dinyatakan sebagai alasan yang mempengaruhi perintah menjauhi pesakit kusta dan larangan memasuki daerah wabak serta mencampurkan antara binatang ternakan yang berpenyakit dan yang tidak berpenyakit. Hal ini dapat difahami melalui kaedah *al-tanbih wa al-Ima'* sebagai yang yang dibincangkan dalam perbahasan *qiyas*.

Seterusnya, dengan memperhatikan *al-munasabah* iaitu perkaitan antara hukum dan alasan, dapat dikenal pasti kesapakan maksud disebalik perintah dan larangan dalam hadith-hadith wabak iaitu kesemua penyakit tersebut boleh “berjangkit” (*al-'adwa/al-i'da'*). Pihak yang berada di luar kawasan menularnya penyakit berjangkit adalah dilarang daripada memasuki kawasan tersebut. Begitu juga pihak yang berada di dalam kawasan tersebut adalah dilarang daripada keluar meninggalkannya. Pemilik binatang yang berpenyakit berjangkit adalah dilarang membawanya masuk ke kawasan binatang yang tidak berpenyakit. Orang yang tidak mengidap penyakit kusta (juga sejenis penyakit berjangkit) adalah dilarang daripada mendekati orang yang mengidap penyakit tersebut. Penyakit berjangkit adalah salah satu bentuk bahaya yang wajar mempengaruhi jenis hukum iaitu perintah dan larangan syarak yang berkaitan dengan tindakan *mukallaf* seperti keluar atau masuk sesebuah daerah, memantau pergerakan haiwan ternakan serta menjaga batas pergaulan dan percampuran. Pengasingan haiwan berjangkit, membatasi hubungan dengan pesakit kusta, dan menjauhi daerah wabak jika diteliti adalah sebahagian daripada bentuk pencegahan yang merupakan sebahagian daripada teras ajaran Islam.

Oleh itu, tiada salah jika disamakan situasi pesakit COVID 19 dengan pesakit kusta disebabkan kedua-duanya adalah penyakit berjangkit. Begitu juga daerah yang kadar jangkitannya berada pada paras yang sangat merbahaya adalah sama seperti kawasan wabak yang dinyatakan dalam hadith nabi atau daerah '*Amawas* seperti yang pernah berlaku pada zaman Umar r.a. Keputusan melakukan kuarantin atau penjarakan sosial antara penghidap dan bukan penghidap adalah selari dengan hadith wabak melalui kaedah *qiyas*. Begitu juga larangan rentas daerah antara kawasan berisiko dan bukan berisiko adalah selari dengan hadith wabak berdasarkan kaedah yang sama.

13. SOP Keselamatan Berpanduan Kaedah *Istislah* Atau *Maslahah Mursalah*

Persoalan yang timbul ialah mengguna pakai keputusan tersebut ke atas mereka yang belum dijangkiti tetapi berkemungkinan dijangkiti atau terdedah kepada jangkitan. Begitu juga mengguna pakai hukum atau peraturan larangan rentas daerah ke atas kawasan-kawasan yang tidak berisiko atau berisiko rendah. Begitu juga larangan ke atas orang awam memasuki tempat-tempat tertentu seperti rumah ibadat atau dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu yang disebut sebagai SOP keselamatan. Hal-hal seperti ini ternyata tidak dapat ditetapkan hukumnya menurut syariat Islam berdasarkan kaedah *qiyas* tadi. Hadith-hadith wabak seperti yang dinyatakan sebelum ini ternyata tidak boleh dijadikan asas hukum larangan rentas daerah, penjarakan sosial atau kuarantin sendiri disebabkan tiada persamaan antara masalah asal (kawasan wabak/taun '*amawas*/pesakit kusta) dan masalah cabang atau semasa (kawasan berisiko rendah/golongan berkemungkinan rendah atau terdedah kepada jangkitan).

Dalam hal seperti ini, penetapan hukum berdasarkan *maslahah mursalah* adalah cara yang dilihat sesuai. Sebagai contoh, COVID 19 adalah sejenis penyakit baru yang boleh berjangkit melalui cecair saluran pernafasan yang tersebar apabila seseorang itu batuk atau bersin. Virus yang keluar bersama dengan cecair tersebut mampu hidup di udara dalam kadar masa tertentu dan bergerak dalam jarak sejauh lebih kurang satu meter. Ia boleh memasuki tubuh manusia lain melalui rongga mata, hidung dan mulut apabila seseorang itu menggosok mata, memasukkan tangan yang tidak bersih ke dalam hidung atau mulut. Serangan penyakit ini boleh mengakibatkan saluran pernafasan terganggu dan akhirnya menyebabkan kematian. Berikut kes kematian yang meningkat dengan mendadak disebabkan COVID 19, banyak negara telah mengambil langkah waspada bagi membendung penularan wabak tersebut. Antara langkah yang diambil ialah penutupan sempadan, penjarakan sosial, pemakaian topeng separuh muka, sentiasa membersihkan tangan dengan cara membasuh menggunakan sabun atau *hand sanitizer*, penjarakan saf dalam solat jemaah dan lain-lain lagi.

Mengelak atau mengurangkan kadar penularan penyakit melalui larangan rentas antara daerah kurang berisiko, penjarakan sosial antara orang yang belum disahkan sebagai pengidap, perintah kawalan pergerakan dan lain-lain lagi langkah keselamatan tidak memiliki sandaran nas yang jelas daripada al-Quran dan Hadith. Namun, ia masih lagi dalam bidang kuasa pemerintah yang diharuskan syarak selagi mana ia memberi maslahat kepada rakyat. Hal ini berdasarkan kepada kaedah yang berbunyi:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

“urus tadbir pemerintah ke atas rakyat adalah berdasarkan maslahat”. (al-Sayuti, 1983)

Menariknya, Kaedah tersebut juga adalah berdasarkan kaedah qiyas iaitu dengan menyamakan hal keadaan pemerintah dengan hal keadaan pengurus harta anak yatim dan begitu juga dengan hukum kedua-duanya. Orang pertama yang mengguna pakai hukum pengurus harta anak yatim ini ke atas pemerintah adalah Umar r.a seperti yang dilaporkan oleh Sa'id ibn Mansur (1997).

Selain itu, mengelak kemungkinan berlaku mudarat yang menjejaskan kesihatan dilihat agak relevan dijadikan alasan kepada beberapa hukum yang sabit melalui nas seperti membasuh tangan sebelum mencelupnya ke dalam bekas wuduk, menutup mulut ketika bersin, membersihkan diri, pakaian dan tempat dari sebarang kekotoran. Meskipun tiada nas yang menyanggah alasan ini secara jelas, namun tiada nas juga yang menyatakan secara jelas setiap arahan atau anjuran tersebut adalah disebabkan mengelak kemungkinan berlaku mudarat tersebut. Para sarjana Islam juga tidak sepakat mengenai alasan sunnah-sunnah tersebut.

Disebabkan tiada nas yang *sarih* (jelas) menyatakan atau menafikan bahawa mengelak kemungkinan berlaku mudarat adalah alasan kepada hukum-hukum di atas, ia disebut sebagai *al-wasf al-mursal* (iaitu sifat yang diandaikan menjadi alasan hukum tetapi tiada nas yang menyebut atau menafikannya) (al-Buti, 2005). Namun, ia boleh diertikan sebagai salah satu wasilah penjagaan kesihatan dan kelangsungan hayat yang termasuk dalam maksud salah satu maqasid syarak iaitu menjaga nyawa (حفظ النفس). Oleh itu, ia boleh dikira sebagai *maslahah mursalah* iaitu *maslahah* yang tidak bertentangan dengan syarak tetapi tiada nas *sarih* (jelas) yang membuktikannya. Disebabkan urus tadbir pemerintah terhadap rakyat haruslah berpandukan kepada *maslahah*, langkah-langkah pencegahan

atau keselamatan yang diambil bagi membendung rantian jangkitan sesuatu wabak haruslah ke arah merealisasikan maksud mengelak kemungkinan berlaku sebarang bentuk mudarat yang menjejaskan tahap kesihatan rakyat.

14. Kesimpulan

Hadith nabawi adalah panduan hidup dan sumber perlembagaan hukum Islam pada setiap masa dan keadaan. Namun, pemahamannya memerlukan panduan dan peraturan khusus yang disebut sebagai kaedah usuliyyah supaya sunnah nabawiyyah tersebut dalam diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Hadith wabak adalah salah satu daripada teks nabawi yang perlu difahami melalui kerangka ilmu usul fiqh agar prinsip-prinsip Islam yang tersirat di sebaliknya dapat dihayati oleh masyarakat. Para sarjana Islam dilihat telah memainkan peranan dalam mengeluarkan *'illah* yang boleh dijadikan sandaran hukum ke atas situasi semasa yang perlu kepada pandangan dan penyelesaian Islam. Selain kaedah istinbatiyyah, kaedah istidlaliyyah seperti masalah mursalah yang menjadi sebahagian perbincangan ilmu Usul Fiqh juga dilihat amat signifikan dalam menentukan keharusan atau sebaliknya tindakan pihak berwajib dalam membendung penularan penyakit berjangkit.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada pihak Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia atas kerjasama yang diberikan dalam mendapatkan bahan yang terkini

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang bantuan atau dana kewangan kerana hanya melibatkan kajian analisis teks sahaja

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Kesemua penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penulisan artikel ini dan memberi sumbangan yang sama rata dalam menyiapkan artikel ini

Rujukan

- 'Iyād, B. (1998). *Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*. Egypt: *Dār al-Wafā'*.
 Abu Dāwūd, S. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: *Dār al-Risālat al-'Ālamīyah*.
 Al-'Aynī, B. (2001). *'Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: *Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī*.
 Al-Bukhari, M. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: *Dār Ṭauq al-Najāh*.
 Al-Būṭī, M.S. (2005). *Ḍawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Ṣharī'at al-Islāmīyah*. Dimashq: *Dār al-Fikr*.
 Al-Fanjari, A.S. (1991). *Al-Ṭibb al-Wiqā'ī fī al-Islām*. Egypt: *Hay'at al-Miṣrīyat al-'Āmmah li al-Kitāb*.
 Al-Jawhārī, A. (1987). *Al-Ṣiḥāḥ Tāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-'Arabīyah*. Beirut: *Dār al-'Ilm li al-Malāyīn*.
 Al-Khaṭṭābī, A.A. (1932). *Ma'ālim al-Sunan*. Ḥalab: *al-Maṭba'at al-'Ilmīyah*.
 Al-Khaṭṭābī, A.A. (1988). *A'lām al-Ḥadīth*. RSA: *Markaz al-Buḥūth al-Islāmīyah wa Iḥyā' al-Turāth al-Islāmī*.

- Al-Nawawī, A. M. (1972). *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: *Dār Iḥyā' al-Turāth al-Islāmī*.
- Al-Qurṭubī, A. (1996). *Al-Mufhim lima Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Dimashq: *Dār Ibn Kathīr*.
- Al-Sayūṭī, J. (1983). *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyah*. Beirut: *Dār al-Kutub al-'Ilmiyah*.
- Al-Tirmidhī, M. (1998). *Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: *Dār al-Gharb al-Islāmī*.
- Fatan Hamamah, Y. (2005). Laporan Penyelidikan: Kemunculan Penyakit Berjangkit dan Kesannya Terhadap Manusia di Malaysia: *sari 23 (2005), 153-168*.
- Hasan Mindīl, H. (2021). Iṣṭilāḥ al-Jā'ihah bayn al-Lughah wa al-Fiqh wa Munazzamat al-Ṣiḥḥat al-Ālamīyah. *Majallat al-Kalim*, 6(1), 17-47.
- Husayn Bashīr, N. (2015). Taṭbīq al-Qawā'id al-Usūliyah 'alā al-Ḥukm al-Qaḍā'i. *Majallat Usūl al-Sharī'ah*, 1(1), 95-126.
- Ibn al-Athīr, J. (1979). *Al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*. Beirut: *al-Maktabat al-'Ilmiyah*.
- Ibn al-Jawzī, A. (t.t). *Kashf al-Mushkil min Ḥadīth al-Ṣaḥīḥayn*. Riyadh: *Dār al-Waṭan*.
- Ibn Baṭṭāl, A.A. (2003). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: *Maktabat al-Rushd*.
- Ibn Ḥajar, A. (1960). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: *Dār al-Ma'rifah*.
- Ibn Majah, Q. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: *Dār al-Risālat al-Ālamīyah*.
- Ibn Manẓūr, A. (1994). *Lisān al-'Arab*. Beirut: *Dār Ṣādir*.
- Kamus Dewan. (2007). *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Ghazi, K. (2020). Taṭbīq al-Qawā'id al-Usūliyah 'Inda al-Shāfi'iyah 'alā Masā'il al-Rahn. *Majallat al-'Ulūm al-Islāmīyah*, 2(3), 14-39.
- Muslim, A. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Cairo: *Maṭba'at 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī*.
- Sa'id, M. (1997). *Sunan Sa'id ibn Mansūr*. RSA: *Dār al-Ṣumay'i*.